

Clinical Language Intervention Programme (KLISA PROGRAMME) to Improve Reading Skill of Students with Learning Disability with Potential in Education (Intervensi Program Klinik Bahasa (PROGRAM KLISA) untuk Meningkatkan Kemahiran Bacaan Murid Bermasalah Pembelajaran yang Berpotensi)

Bungawali Abduh^a, Mohd Mokhtar Tahar^b, Mohd Hanafi Mohd Yasin^c

^aSMK Bandar Seri Putra, Persiaran 1, Jalan Seri Putra, 43000, Kajang, Selangor, Malaysia

^bNational University of Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

E-mail: bungaduan@gmail.com

Abstrack: Reading is one of the fundamental skills across all subjects. A student with low competency in reading will experience difficulties in teaching and learning. The purpose of this research is to improve reading skills among student with learning disability in one secondary school in Bangi, Selangor. This action research had employed Reading Assessment Approach and descriptive analysis in data collection. Seven students with reading problem participated in this research. However, these students were having potential to be included in either Inclusive Program or Job Transition Program. Therefore, one reading program known as KLISA Program (Language Clinic Program) was created and it has been implemented in classroom for 30 minutes during the first period every day. This 9-month program had employed phonics method and used a set of 'Bacalah Anakku' books and ABM Velcro in three phases. The reading assessment was conducted at the end of each phase to evaluate the students' achievement in reading. The findings of this research proved that KLISA Program was effective for students' improvement in reading. Hence, it is recommended that this program can be consistently implemented to overcome illiterate and reading disorder among primary and secondary school students.

Keywords: KLISA Programme, reading skill, student with reading disability

Abstrak: Kemahiran membaca adalah merentas semua matapelajaran. Kelemahan dalam kemahiran membaca akan menyebabkan kesulitan mengikuti pengajaran dan pembelajaran. Tujuan penelitian ini adalah untuk meningkatkan kemahiran membaca di kalangan murid-murid bermasalah pembelajaran di sebuah sekolah menengah di Bangi, Selangor. Penelitian tindakan ini menggunakan pendekatan penilaian penaksiran bacaan dan analisis deskriptif untuk mengumpul data, Seramai 7 orang murid dalam sebuah kelas terlibat dalam kajian ini. Mereka terdiri dari murid bermasalah pembelajaran yang berpotensi untuk diserapkan di dalam Program Inklusif atau Transisi pekerjaan tetapi masih tidak boleh membaca. Satu program pemulihan bacaan iaitu Program KLISA (Program Klinik Bahasa) dilaksanakan selama 30 menit masa pertama sesi pengajaran setiap hari persekolahan. Pelaksanaan program ini menekankan kaedah fonik menggunakan set buku 'Bacalah Anakku' dan ABM Velcro serta dibuat dalam 3 gelungan yang mengambil masa 9 bulan. Penilaian bacaan dibuat setiap 3 bulan yang mewakili satu gelungan untuk melihat pencapaian murid dalam bacaan. Penilaian tersebut dibuat menggunakan satu set instrumen penilaian yang mewakili 8 tahap bacaan. Hasil penelitian membuktikan peningkatan kemahiran bacaan yang memberansangkan di kalangan murid-murid yang terlibat. Justeru itu disarankan program seumpamanya dilaksanakan secara konsisten bagi mengatasi masalah buta huruf dan tidak pandai membaca dikalangan murid-murid peringkat rendah dan menengah.

Kata kunci: Program KLISA, Kemahiran bacaan, murid bermasalah pembelajaran


Kemahiran bacaan merupakan antara cabaran utama guru-guru Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran dalam usaha mendidik dan membimbing murid-muridnya (Carol *et al.*, 2014). Ini kerana murid-murid pendidikan khas mengalami kekeliruan pengamatan yang mengganggu perkembangan kognitif mereka (Carol *et al.*, 2014).

Selain itu, faktor luaran seperti kurikulum yang kompleks, tiada peruntukan masa yang khusus, pengabaian aspek keperluan murid yang berbeda serta bahan pengajaran yang kurang menarik juga

menjadi penyebab kesukaran murid dalam menguasai kemahiran bacaan (Jamian, 2011).

Masalah ini akan memberi kesan negatif kepada kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran murid (Jennifer B. *et. al.*, 2013). Ia juga menutup peluang pendidikan lanjutan serta pasaran kerja kepada mereka yang kebanyakannya memerlukan kemahiran membaca pada peringkat asas (Hulya, 2012); Kristen (2015).

Rajah 1. Model Bottom Up kemahiran bacaan (Gough, 1972)



Peneliti merasa perlu menyadarkan murid yang berpotensi tentang kepentingan penguasaan kemahiran bacaan. Peneliti juga ingin murid tersebut menguasai kemahiran membaca agar ianya tidak menjadi penghalangan kepada mereka untuk merebut peluang masa depan yang lebih baik.

Membaca adalah kemahiran sepanjang hayat yang digunakan di sekolah dan dalam urusan kehidupan (Hulya, 2012). Menyedari kepentingan kemahiran bacaan menyebabkan banyak kajian yang membincangkan teori, model, strategi dan pendekatan terbaik dalam usaha meningkatkan kemahiran membaca murid khususnya murid bermasalah pembelajaran. Tanpa asas yang kukuh dalam strategi bacaan, murid akan menghadapi kesukaran dalam pendidikan dan kehidupan dewasanya.

Pendekatan fonik diakui oleh National Reading Panel (NRP) sebagai pendekatan yang efektif dan terbaik yang menyediakan kunci pengetahuan dan kemahiran dalam pembelajaran (Masello, 2015). Pendekatan ini telah digunakan oleh sebagian besar guru pendidikan khas. Pendekatan tersebut sesuai digunakan oleh murid bermasalah dalam pembelajaran atau murid tipikal karena cirinya yang memerlukan latihan tubuh yang berulang dan meningkatkan bilangan perkataan yang boleh dikuasai dalam masa yang sama. (Liyana *et al.*, 2013) menyatakan pendekatan fonik digunakan untuk mengajar murid disleksia. Dalam Bahasa Melayu, ia menekankan hubungan bunyi dan huruf yang dimulai dengan bunyi huruf sehingga boleh menggabungkannya untuk membentuk satu sebutan perkataan.

Program Klinik Bahasa (Program KLISA) adalah satu program pemulihan untuk meningkatkan kemahiran membaca dikalangan murid PPKI yang berpotensi untuk mendapat peluang pendidikan dan kerjaya di masa hadapan. Program ini dilaksanakan pada masa pertama sesi pengajaran setiap hari waktu persekolahan. Melalui program ini murid akan dibimbing secara perseorang oleh guru mengikut tahap penguasaan bacaan masing-masing yang telah ditentukan melalui keputusan ujian diagnostik

sebelum program KLISA di laksanakan. Murid-murid dibimbing membaca dengan menggunakan Set buku bacaan 'Siri Cepat Membaca, Bacalah Anakku' yang menekankan pendekatan fonik dalam kemahiran membaca. Aktivitas lain yang dijalankan sepanjang 30 menit sesi bacaan adalah bimbingan rakan sebaya dalam bacaan dan aktiviti pengukuhan dan latihan menggunakan Alat Bantu Mengajar VELCRO.

Walau apa bentuk pendekatan dan kaedah yang digunakan, peranan guru dalam membimbing bacaan murid adalah penting dalam membentuk asas dan memberi bantuan pembelajaran literasi bagi meningkatkan pemahaman murid secara aktif. Justeru untuk bimbingan yang efektif, seorang guru perlu menyedari kepentingan pemahaman perspektif teori asas yang mendasari sesuatu pendekatan.

Kajian ini berpandukan kepada Teori Psikolinguistik dan Teori Kognitif melalui konsep *Zone Of Proximal*. Teori Psikolinguistik menumpukan kepada kesilapan meneka dan meramal sebutan bunyi dan perkataan dalam proses bacaan sebagai satu cara untuk memahami strategi atau sistem yang digunakan semasa membaca.

Aspek *Scaffolding* dalam konsep *Zone of Proximal* (ZPT) pula adalah suatu ruang di mana murid membina pengetahuan dan pengalaman sosial dengan orang lain yang lebih berpengetahuan. (Eithne *et al.*, 2012).

Model bacaan Bottom Up digunakan untuk menerangkan proses pembelajaran kemahiran membaca. Berdasarkan rajah 1, model ini dimulakan dengan memahami fonik iaitu bunyi yang mewakili sesuatu huruf dengan menambah warna sebagai ransangan dimensi tambahan (Karsten & Gilles, 2013). Kefahaman tersebut membawa kepada kemahiran menggabungkan bunyi membentuk satu perkataan dan seterusnya kemahiran membaca ayat yang panjang. Kemahiran kefahaman seterusnya dikembangkan menjadikan seseorang individu sebagai pembaca yang baik (Gough, 1972). Dalam kajian ini, setiap langkah proses penguasaan bacaan dalam model Bottom Up ini diperkuatkan melalui latihan tubi sebutan yang berulang.

Murid yang terlibat dalam kajian ini bukan sahaja mengalami kesukaran membaca malah mereka juga mempunyai sikap negatif seperti tidak minat dan tidak bermotivasi untuk menguasai kemahiran membaca. Selain itu, kepelbagaian kesukaran dan keperluan pembelajaran di kalangan murid ini perlu diambilkira dalam menentukan pendekatan yang efektif bagi sesuatu program pemulihan dan kemahiran membaca.

Kajian ini merupakan antara usaha berterusan bidang penyelidikan kemahiran membaca dalam menyelesaikan permasalahan dan meningkatkan mutu pembelajaran murid dalam konteks sosial sekolah dan kelas yang berbeza-beza. Ia bertujuan untuk meningkatkan kemahiran membaca dikalangan murid

PPKI yang berpotensi dengan menggunakan kaedah fonik. Pelaksanaan program bacaan ini mengambil kira keperluan murid yang pelbagai serta faktor yang menghalang penguasaan kemahiran membaca tersebut.

Persoalan kajian yang timbul adalah Adakah kaedah fonik dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid dalam masa yang ditetapkan?, dan ‘Adakah usaha pelaksanaan program dan bentuk ransangan yang terlibat boleh memberi sumbangan kepada peningkatan bilangan murid-murid yang celik baca?. Dengan itu, objektif kajian adalah seperti berikut: (1)Melihat kesan kaedah fonik dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid dalam masa yang di tetapkan; (2) Melihat kesan pelaksanaan Program KLISA dalam meningkatkan bilangan murid yang celik baca.

METODE

Kajian tindakan adalah bidang pembangunan penyelidikan dan kurikulum guru yang menyediakan hala tuju kearah kesedaran dan transformasi nilai (Marie, 2016). Ia melalui proses unik dimana peserta menilai amalan pendidikan sendiri secara sistematik dan berhati-hati menggunakan teknik kajian.

Kajian ini merupakan sebuah kajian tindakan 3 gelungan yang bertujuan untuk mencari penyelesaian kepada masalah penguasaan kemahiran membaca yang berlaku di dalam kelas dan mencari cara untuk meningkatkan kejayaan murid. Ia melibatkan proses reflektif berkaitan amalan pengajaran guru yang melibatkan beberapa perubahan yang perlu pada tahap tertentu untuk mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan. Kajian tindakan ini melibatkan 4 langkah iaitu mereflek, merancang, bertindak dan memerhati pada setiap gelungan yang terlibat.

Kajian ini disasarkan kepada 7 orang murid bermasalah pembelajaran yang menghadapi masalah kesukaran membaca namun berpotensi untuk pergi lebih jauh kearah bidang akademik, kemahiran vokasional dan pekerjaan dimasa hadapan. Mereka berada dalam sebuah kelas tahap 2 Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran sebuah sekolah di Bangi, Selangor yang diberi nama Kelas PPKI Ametis.

Dalam kajian ini, dua jenis bahan ransangan bacaan digunakan iaitu ‘Siri Cepat Membaca: Bacalah Anakku dan Alat Bantu Mengajar VELCRO (ABM VELCRO). Siri Cepat Membaca: Bacalah Anakku disusun berdasarkan kaedah fonik yang memudahkan proses mempelajari bacaan tanpa perlu mengeja atau menghafal sukukata. Antara keistimewaan siri ini adalah pilihan bunyi yang sesuai, penyusunan yang sistematik dan berperingkat secara ansur maju, teks yang bermakna dan mengikut konteks sosial

budaya serta disokong dengan kaedah mengajar yang berkesan.

ABM VELCRO pula dibina oleh pengkaji berpandukan Instrument Bacaan yang dibangunkan oleh (Tahar & Yasin, 2010), seorang pensyarah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. ABM yang boleh digunakan secara berpasangan dan individu ini memerlukan tumpuan dan kemahiran pengamatan murid serta koordinasi mata, tangan dan psikomotor dengan mencabut dan melekat kad sukukata dan perkataan bagi membentuk perkataan dan ayat mudah. Dengan adanya ABM Velcro, guru boleh menumpukan perhatian pengajaran bacaan secara individu dengan murid disamping menyediakan sumber pengajaran pengayaan yang boleh meningkatkan daya tumpuan dan pengamatan murid-murid lain pada masa yang sama.

Prosedur pengumpulan data

Pemerhatian dan Ujian Diagnostik

Pemerhatian dilakukan bagi meninjau masalah yang dihadapi guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran akibat murid tidak tahu membaca. Seterusnya Ujian Diagnostik di jalankan untuk mengumpulkan data deskriptif maklumat markah pencapaian murid dalam beberapa tahap kemahiran membaca. Pengkaji menggunakan instrumen penaksiran melibatkan 8 tahap kemahiran membaca yang dibina berdasarkan tahap kemahiran membaca dalam buku ‘Bacalah Anakku’ (rujuk jadual 1). Instrumen penaksiran ini telah disemak dan disahkan oleh guru pakar Bahasa Melayu sekolah tersebut. Pada tahap ini, tahap penguasaan murid dalam sebutan bunyi huruf, sukukata dan perkataan direkodkan agar boleh dijadikan kayu ukur pencapaian selepas beberapa peringkat pelaksanaan yang akan dilaksanakan kelak. Dengan berpandukan rekod ini juga murid akan mula dibimbing bermula dari tahap dimana dia tidak boleh kuasai semasa program KLISA .

Ujian Penilaian

Setelah mengetahui tahap kemahiran membaca murid melalui ujian diagnostik, guru mula membimbing bacaan murid melalui program KLISA bermula dengan peringkat dimana murid tidak boleh kuasai.

Pengkaji melaksanakan Program Klinik Bahasa (KLISA) yang telah mendapat kebenaran dan kelulusan daripada pihak Pengetua dan Penyelaras Pendidikan Khas. Dalam program ini, murid-murid diajar membaca secara perseorangan dan bergilir-gilir selama 30 minit masa pertama pembelajaran.

Jadual 1. Tahap kemahiran bacaan dalam set buku ‘Bacalah Anakku’

Buku	Penekanan
Satu	Vokal a, i, u, KV, KVK
Dua	KV, ayat yang mempunyai 2 hingga 4 perkataan KVKV
Tiga	KV, ayat yang mempunyai 3 hingga 4 perkataan KVKV
Empat	KV, ayat yang mempunyai 3 hingga 7 perkataan KVK dan KVKV
Lima	KV, ayat yang mempunyai 3 hingga 7 perkataan KVK dan KVKV
Enam	KVK, KVKVK, bacaan beberapa ayat dalam 2 perenggan
Tujuh	KVKV, KVKVK, KVKKV, perkataan berimbuhan, bacaan ayat dalam perenggan
Lapan	KVKK, KVKKVKK, KVK, bacaan ayat dalam perenggan

Jadual 2. Keputusan Ujian Diagnostik

Buku	Jumlah pelajar yang menguasai
Satu	5 orang
Dua	2 orang
Tiga	-
Empat	-
Lima	-
Enam	-
Tujuh	-
Lapan	-
Jumlah	7 orang

Ia dilaksanakan setiap hari menggunakan buku ‘Bacalah Anakku’ yang terdiri dari 8 buah buku dalam satu set. 5 minit diperuntukkan kepada setiap murid membaca dengan bimbingan guru. Semasa guru membimbing murid membaca secara bergilir-gilir seorang demi seorang, murid lain akan menyelesaikan tugas membina perkataan bermakna dan ayat menggunakan Alat Bantu Mengajar (ABM) Velcro yang dibina oleh pengkaji.

Pada peringkat permulaan, tahap bacaan murid akan direkodkan untuk dibandingkan dengan peringkat pencapaian selepas tiga bulan. Penilaian diadakan setiap 3 bulan sekali selepas satu kitaran gelungan untuk melihat pola pencapaian murid dalam bacaan dan tulisan disamping merancang aktiviti atau kaedah untuk meningkatkan tahap pencapaian murid. Ujian penilaian dilakukan menggunakan instrumen penaksiran yang sama digunakan semasa ujian diagnostik dijalankan.

Prosedur analisis data

Analisis Ujian Diagnostik

Pencapaian murid dalam Ujian Diagnostik


direkodkan berdasarkan 8 tahap kemahiran buku ‘Bacalah Anakku’. Ianya direkodkan dalam sebuah jadual yang menyenaraikan nama murid yang terlibat dengan tahap penguasaan bacaan masing-masing.

Analisis ujian diagnostik menunjukkan 5 orang murid mempunyai masalah membaca pada buku 1 dan 2 orang murid berada pada tahap bacaan buku 2. Jadual 2 menunjukkan semua murid berada pada tahap bacaan yang paling rendah iaitu 5 orang berada pada tahap 1 dan 2 orang pada tahap 2. Justeru itu perlunya satu usaha untuk meningkatkan kemahiran bacaan dan tulisan Bahasa Melayu dikalangan murid-murid ini.

Analisis Ujian penilaian

Kajian tindakan ini dilaksanakan mengikut 3 gelungan proses pelaksanaan (mereflek, merancang, bertindak dan memerhati) dengan tempoh 3 bulan bagi setiap gelungan. Diakhir setiap gelungan, penilaian dilakukan bagi melihat sejauhmana pencapaian murid. Tahap pencapaian bagi ujian diagnostik dan ketiga-tiga ujian penilaian bagi setiap gelungan tersebut akan direkodkan sebagai data deskriptif nilai peratus (%).

Rajah 2. Proses pelaksanaan Program KLISA mengikut gelungan kajian tindakan berdasarkan Model Kajian Tindakan Kemmis & Taggart (1988).



Jadual 3. Pencapaian tahap kemahiran bacaan murid

Nama murid	Tahap bacaan			
	Ujian Diagnostik	Penilaian 1 Januari - Mac	Penilaian 2 April - Jun	Penilaian 3 Julai - September
Muhd Ajmal Farhan	13%	38%	88%	100% Penguasaan
Nik Ahmad Fakhrudin	13%	38%	50%	70%
Nur Qistina	25%	50%	88%	100% Penguasaan
Haziq Harun	13%	38%	63%	100% Penguasaan
Al Hakim	13%	50%	75%	100% Penguasaan
Lim Jia Li	25%	63%	88%	100% Penguasaan
Abdullah Azzam	13%	50%	60%	70%

Ia direkodkan di dalam sebuah jadual untuk membolehkan guru dan murid melakukan refleksi dan tindakan yang perlu untuk meningkatkan hasil pencapaian pada gelungan yang berikutnya.

Rajah 2 menunjukkan 3 gelungan yang terlibat dalam kajian ini dimana setiap gelungan melibatkan 4 langkah iaitu mereflek, merancang, bertindak dan memerhati. Pada gelungan kedua, penambahbaikan dilakukan dengan menambah unsur pemberian token iaitu ganjaran wang tunai kepada murid yang mencapai tahap yang disasarkan dalam tempoh tertentu. Usaha ini berikutan tahap pencapaian bacaan pada gelungan pertama kurang memberangsangkan. Seterusnya pada gelungan ketiga langkah berbincang dengan ibubapa seorang murid bernama Nik Ahmad Fakhrudeen di ambil setelah melihat pencapaian kemahiran bacaannya semakin merosot akibat rekod kehadiran yang lambat ke sekolah.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kesan kaedah fonik dalam meningkatkan penguasaan kemahiran bacaan murid dalam masa yang ditetapkan

Berdasarkan jadual 3 jelas menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan kemahiran membaca bagi 5 daripada 7 orang murid yang

disasarkan. Prestasi bagi seorang murid bernama Nik Ahmad Fakhrudeen atau dengan panggilan Udeen pada peringkat awal agak memberangsangkan. Namun pada gelungan kedua ianya semakin menurun dan meningkat semula setelah usaha penambahbaikan dilakukan pada awal gelungan ketiga. Berdasarkan kepada rekod kehadiran ke sekolah, Udeen menghadapi masalah sentiasa datang lewat ke sekolah menyebabkan dia tidak dapat menyertai program KLISA secara konsisten yang diadakan pada setiap awal pagi masa pertama persekolahan.

Pengkaji telah berbincang dengan ibubapa Udeen semasa Hari Temu Mesra tentang prestasi bacaan Udeen dan bagaimana perlunya untuk Udeen menyertai program KLISA secara konsisten untuk meningkatkan prestasi bacaannya. Kini walaupun dia agak ketinggalan daripada rakannya yang lain, namun dia mempunyai inisiatif untuk menyertai program KLISA. Semasa murid-murid lain melakukan latihan penguasaan tulisan ejaan huruf dan ayat, Udeen dibimbing secara perseorangan selama 5 minit setiap sesi dalam kemahiran bacaan.

Berdasarkan kajian literature, terdapat dua kaedah yang berbeza dalam membimbing sebutan dan penghasilan bunyi huruf iaitu fonik sintetik dan fonik analitik. Fonik sintetik adalah pendekatan yang

digunakan dalam kajian ini dimana bunyi di pelajari secara berasingan dan dicampurkan bersama menjadi suatu sebutan perkataan (Mary *et al.*, 2012). Pendekatan ini selaras dengan teori psikolinguistik dimana strategi yang ditekankan adalah melalui pengetahuan tentang bunyi, konteks bacaan dan mengenalpasti perkataan yang menyokong pembaca dalam memahami teks bacaan (Eithne, *et al.*, 2012).

Kaedah ini sesuai digunakan dalam bimbingan bacaan Bahasa Melayu kerana susuk Bahasa Melayu yang terdiri daripada sukukata yang tetap bunyinya (Liyana *et al.*, 2013). Kaedah ini juga adalah selaras dengan Model Bottom Up seperti yang di bincangkan di bahagian pengenalan kajian ini. Fonik analitik pula adalah bunyi yang tidak dipelajari secara berasingan tetapi merupakan elemen bunyi dari satu set perkataan dimana setiap perkataan mengandungi bunyi tertentu untuk dikaji. Kaedah fonik analitik ini pula sesuai digunakan untuk membimbing bacaan Bahasa Inggeris yang memerlukan sebutan perkataan secara sepadu seperti perkataan *pat*, *park*, *push* dan *pen*.

Kaedah fonik sintetik bergantung kepada kemahiran ingatan dan murid yang mempunyai keupayaan yang lebih rendah akan menjadi kurang bernasib baik jika diajar membaca menggunakan kaedah ini. Namun melalui kaedah pengulangan bunyi dalam sebutan sukukata dan perkataan yang digunakan dalam 'Siri Cepat Membaca: Bacalah Anakku' yang digunakan dalam kajian ini, kaedah fonik sintetik ini menjadi suatu pendekatan budaya yang lebih efektif kepada murid yang terlibat. Ini disokong dengan kenyataan daripada beberapa kajian yang seumpamanya yang membuktikan fonik sintetik adalah kaedah yang paling efektif (Mary *et al.*, 2012). yang memberi kesan positif kepada murid yang mempunyai kesukaran membaca dan murid bermasalah pembelajaran (Joanne, 2000).

Kesan Pelaksanaan Program KLISA dalam Meningkatkan Bilangan Murid yang Celik Baca.

Jadual 3 menunjukkan peningkatan bilangan murid yang pandai membaca pada akhir program. Penilaian gelungan ketiga tersebut menunjukkan 5 orang dari 7 orang murid yang menyertai program berjaya mencapai tahap kemahiran bacaan yang disasarkan.

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, murid-murid ini menunjukkan minat dan motivasi dalam membaca kerana menyedari kepentingan kemahiran membaca dalam kehidupan harian dan masa depan mereka. Mereka juga memberi perhatian dan kerjasama sepanjang program dilaksanakan. Bimbingan bacaan terhadap sesama murid juga berjalan lancar walaupun dalam tempoh yang singkat pada setiap sesi.

Melalui program KLISA ini, murid-murid dapat dibimbing secara konsisten setiap hari. Bimbingan yang konsisten ini memudahkan perkembangan

ketepatan bacaan, kefasihan dan kefahaman kepada murid yang terlibat (Barbara *et al.*, 2016).

Bimbingan secara perseorangan dan bantuan guru dan rakan yang terlibat dalam program ini juga menjadi penentu kejayaan peningkatan bilangan murid yang boleh membaca. Mereka memberi maklumbalas, sokongan dan sebagai model dalam menyediakan dorongan dan bimbingan apabila murid menghadapi kesukaran membaca perkataan yang sukar. Dapatan ini selaras dengan konsep *Zone of Proximal* (ZPT) dalam teori kognitif Vygotsky (1978) yang merupakan jarak antara perkembangan sebenar yang ditentukan oleh penyelesaian masalah sendiri dan tahap perkembangan melalui penyelesaian masalah dengan bimbingan orang dewasa atau kerjasama dengan rakan-rakan yang lebih pandai.

Selain pendekatan fonik yang sistematik dan berstruktur yang digunakan dalam kajian tindakan ini, pengkaji juga dapat membuktikan bahawa minat dan kesungguhan murid terhadap bacaan dapat membuahkan hasil yang positif walaupun mereka tergolong dalam tahap kesukaran membaca yang tegar. Justeru dalam sesuatu proses pembelajaran murid perlu disedarkan apakah kepentingan sesuatu proses kemahiran dalam pembelajaran yang akan memberi impak yang besar kepada masa depan mereka. Ianya merupakan sumber motivasi intrinsik yang merupakan dorongan dalaman untuk murid menyertai pembelajaran.

Walau bagaimanapun, sumber motivasi dan dorongan yang diberi seharusnya konsisten dan sentiasa di segarkan dengan ganjaran token yang munasabah daripada guru. Ianya merupakan sumber motivasi ekstrinsik yang mana dalam kajian ini pada gelungan kedua, guru menjanjikan ganjaran wang tunai bagi murid yang telah mencapai tahap penguasaan bacaan sehingga buku 8 dalam tempoh yang ditetapkan. Namun ganjaran tersebut akan berkurangan apabila terdapat kesalahan bacaan semasa penilaian. Usaha ini secara tidak lansung meningkatkan semangat persaingan secara sihat dikalangan murid (Munji, 1990). Dapatan kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian Britta (2014) yang membuktikan kesan pemberian token dalam meningkatkan prestasi akademik yang lebih baik kepada murid yang terlibat.

Tempoh membaca yang singkat tetapi konsisten menyebabkan murid tidak merasa bosan dan mempunyai daya tumpuan yang baik semasa sesi bacaan (Mary *et al.*, 2012). Selain itu persekitaran tenang dan keadaan yang kondusif diawal pagi membolehkan murid dapat belajar dengan baik pada tahap kecerdasan yang baik. Ini selaras dengan beberapa kajian (Marissa & Dunlosky, 2012) dan (Ryan, 2013) yang menyatakan bahawa proses pembelajaran adalah lebih berkesan sekiranya dilaksanakan dalam suasana yang nyaman. Suhu yang panas akan menyebabkan fikiran dan emosi seseorang terganggu, cepat berasa mengantuk dan

memberi kesan negatif kepada produktiviti seseorang.

Selain itu, bimbingan sesama rakan sebaya semasa sesi bacaan juga merupakan satu bentuk ransangan sosiologi yang melibatkan sumbangsaran, perbincangan dan interaksi secara dua hala yang merangsang pembelajaran. Murid mendapat faedah melalui pemerhatian, maklumbalas atau dengan mendengar penerangan rakan. Mereka juga akan lebih prihatin dan bermotivasi untuk belajar supaya mereka mendapat perhatian dari rakan sebaya (Joanne, 2000).

Menurut Atan (1988) pula, pembelajaran merupakan suatu proses yang bermula dengan penanggapan ransangan yang diterima oleh pancaindera. Persepsi pancaindera merujuk kepada penggunaan variasi semua lima pancaindera sewaktu memproses dan mengingat maklumat oleh setiap individu. Justeru itu, penggunaan ABM Velcro sebagai aktiviti pengukuhan dan ransangan yang disesuaikan dengan tahap murid sangat membantu dalam kajian ini. Ianya memerlukan pengamatan visual dan pembelajaran taktual melalui sentuhan dalam pengukuhan kemahiran membaca dan tulisan murid. Tambahan pula, penggunaan set alat seumpamanya untuk menyokong program dan aktiviti bacaan di dalam kelas telah ditekankan oleh beberapa kajian lepas sebagai strategi yang lebih fleksibel dan efektif (Pearson & Cervetti, 2013); (Lisbeth, 2015).

Sesuatu yang berlaku secara tidak lansung dan memberi sumbangan yang positif kepada pencapaian bacaan murid adalah kesan kemajuan teknologi komunikasi. Aplikasi 'wassap' yang digunakan oleh murid yang sebahagian besarnya mempunyai telefon pintar telah mendorong murid untuk sentiasa mengeja dan menaip perkataan apabila berkomunikasi. Mereka yang terlibat dalam literasi digital seperti ini disifatkan sebagai aktif dan kreatif dan berpotensi mencipta teks baru hasil kesinambungan pengalaman pembelajaran di dalam kelas dan di rumah (Eithne, *et al.*, 2012). Justeru itu, pengkaji mengambil peluang tersebut untuk mewujudkan kumpulan komunikasi 'wassap' bagi menggalakkan murid mengeja dan membina ayat disamping membimbing murid dalam ejaan di luar waktu persekolahan. Ianya memberi kesan yang sangat baik kepada minat dan pencapaian murid dalam bacaan.

Semasa laporan ini ditulis, pengkaji sedang berusaha mengukuhkan kemahiran bacaan dan tulisan murid dari segi ejaan dalam membina perkataan dan ayat melibatkan perkataan KV + KVKK. Pengkaji juga membimbing murid dalam menulis ayat mengikut format karangan yang betul sebagai persediaan sekiranya murid berpeluang masuk dalam Program Inklusif atau peluang pendidikan yang lain. Ini kerana melalui pemerhatian pengkaji, walaupun murid sudah lancar membaca, namun apabila menulis perkataan murid masih lemah dan berkecenderungan besar untuk melakukan kesalahan ejaan.

Cadangan Kajian Seterusnya

Melalui dapatan kajian ini, pengkaji menyarankan institusi pendidikan memberi penekanan terhadap program bacaan seumpama ini supaya isu kesukaran membaca dan kesannya kepada pengajaran dan pembelajaran dapat diatasi. Rentetan itu, kajian masa depan perlu mengambilkira aspek pembangunan suasana kelas, bilangan kumpulan yang kecil dan pendekatan yang paling efektif yang boleh digunakan oleh guru. Ia bagi mewujudkan sebuah program intervensi bacaan berkesan mengikut perspektif, konteks sosial dan keperluan murid yang pelbagai.

RUJUKAN

- Atan, L. (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Barbara, F., Michael, C., Carolyn, A. D., Joseph, D., Lynda, H., Laura, J., Warnick, L., & Richard, W. (2016). *Foundational Skills to Support Reading for Understanding in Kindergarten Through 3rd Grade. Educator's Practice Guide*. Washington DC: National Center for Education Evaluation and Regional Assistance (NCEE).
- Britta, L. F. (2014). A comparison of the Effectiveness of a token economy system, a response cost condition and a combination condition in reducing problem behaviour and increasing student academic engagement and performance in two first grade classroom. Tesis dan Disertasi. Cornerstone. Minnesota State University.
- Carol M., Paul A., Donald L. & Rollanda E. (2014). Improving Reading Outcomes for students with or at risk for Reading Disabilities. *IES National Center for Special Education Research*. Washington DC
- Eithne, K., Elizabeth, D., Bernadette, D., Geraldine, H., Therese, M., Jackie, M., Maura, O., & Gerry, S. (2012). Literacy in Early Childhood and Primary Education (3-8 years). Research Report No. 15. National Council for Curriculum and Assessment.
- Gough, P. B. (1972). One second of reading. Dlm J.F Kavanagh & I. G Mattingly (Eds), *Language by ear and by eye*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Hulya, K. (2012). Improving reading skill through effective reading strategies. *Procedia- Social and Behavioral Sciences*. 70: 709-714
- Jamian, A. R. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(1): 1-12
- Jennifer B., Ellie H. & Kandi K. (2013). The Effect of Reading in Comprehension for Elementary Age Learners. *Master of Arts in Education Action Research*. St. Catherine University.

- Joanne, Y. (2000). Alphabetic Part II. *National Reading Panel*, hlm 2:89-2:99. Oregon Trail School District.
- Karsten, R., & Gilles, P. (2013). What is bottom-up and what is top-down in predictive coding?. *Hypothesis and Theory Article* 4(276):1-8
- Kemmis, S., & Taggart, R. M. (1988). *The Action Research Planner: Action research and the analysis of pedagogy*. Australia: Deakin University.
- Kristen R. (2015). Investment in Reading Reserch from Kindergarten through High School. *IES National Center for Special Education Research*. Washington DC
- Lisbeth, M. B. (2015). How teacher teach and readers read: Developing reading comprehension in English in Norwegian upper secondary school. Tesis Ph.D. Department of Teacher Education and School Research, Faculty of Educational Sciences. University of Oslo.
- Liyana, A. A., Nurul, F. H., Khuzaiton, Z. (2013). Persepsi dan pengalaman guru pendidikan khas dalam menghadapi permasalahan disleksia dalam kemahiran literasi. Seminar Sains Kemanusiaan OKU Peringkat Kebangsaan 2013 (SKOKU). Pusat Pengajian Bahasa danPembangunan Insaniah (PPBPI) Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Kelantan, 19 Mei.
- Marie, P. E. M. (2016). Participatory Action Research (PAR) cum Action Research (AR) in Teacher Profesional Development:A literature
- Marissa, K. H., & Dunlosky, J. (2012). Study Strategies of college students: Are self testing and scheduling related to achievement. *Psychon Bull Rev* 19: 126-134
- Mary, N., Lucy, F., Yvonne, M., & Diarmuid, O. (2012). Effective Intrevention for Struggling Readers. A good practice guide for teacher. *National Educational Psychological*.Service. www. education. ie / en / Publications /Education - Reports [1 Disember 2016]
- Masello, H. P. (2014). Introducing Beginning Reading Using Phonics Approach. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 5 (10): 477-483
- Munji, S. H. (1990). *Pengantar Psikologi*. Petaling Jaya: Fajar Bakti
- Pearson, P. D., & Cervetti, G. N. (2013). The psychology and pedagogy of reading processes. Dlm W. Reynolds & G. Miller (Eds.), *Educational Psychology*, V. VII, of *Handbook of psychology* (2nd ed.) (pp. 507-554). New York: John Wiley & Sons.
- Ryan, H. (2013). The Effect of Classroom Enviroment on Student learning.http://scholar works. wmich. edu / honors _ theses[15 Disember 2016]
- Tahar, M. M., Yasin, M. H. M. (2010). Reading skills among year one students in Malaysia. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 9(2010):378-383
- Vygotsky, L. (1978). Interaction between learning and Development. *Mind in Society* (pp. 79-91) Cambridge, MA: Harvard University Press.

